

29 AUG 2002

Arroyo-Ramos/I

ARROYO UTUS RAMOS TEMUI DR MAHATHIR

MANILA, 29 Ogos (Bernama) -- Presiden Gloria Arroyo akan menghantar bekas presiden Fidel Ramos ke Malaysia untuk berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kebajikan rakyatnya yang dihantar pulang dari Sabah.

Pegawai kanan, yang enggan dikenali, berkata Arroyo mengambil langkah itu selepas melihat sendiri keadaan pendatang asing tanpa izin Filipina di Bongao, Tawi-Tawi.

Arroyo ke Bongao untuk menemui beribu-ribu pendatang asing tanpa izin Filipina termasuk wanita dan kanak-kanak yang dilaporkan "dilayan secara kasar" oleh polis Malaysia di Sabah.

Beliau turut mengagihkan bekalan ubat dan makanan kepada mereka serta mendengar rungutan mereka.

Para pegawai berkata Arroyo mahu Ramos membincangkan dengan Dr Mahathir cara untuk memastikan penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin Filipina dari Sabah dilaksanakan "dengan teratur dan penuh kemanusiaan".

Ramos mempunyai peranan sebagai negarawan sejak menamatkan penggalnya sebagai presiden pada 1996 dan mengunjungi banyak negara untuk berbincang mengenai perjanjian dan misi muhibah.

Semasa menjadi presiden pada 1992 hingga 1996, Ramos telah beberapa kali berunding dengan Dr Mahathir yang membawa kepada peningkatan pelaburan Malaysia di Filipina.

-- BERNAMA

ALJ AKT RM NAK